

17 NOV 1997

KEMPEN MEMBELI-BELAH DI LANGKAWI UTAMAKAN HARGA BERPATUTAN

LANGKAWI, 17 Nov (Bernama) -- "Langkawi Sale 1997" - kempen membeli-belah selama sebulan mulai Khamis ini akan mengutamakan harga makanan, barangan dan perkhidmatan yang disediakan kepada pengunjung ke pulau bebas cukai ini pada kadar yang berpatutan.

Jawatankuasa kempen itu dipertanggungjawabkan untuk memastikan perkara berkenaan dipatuhi semua pihak sepanjang kempen yang diadakan sempena cuti sekolah dan Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi (LIMA '97) Disember ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan Negeri Abdul Rahman Ariffin semasa merasmikan "Langkawai Sale 1997" bersama "Kempen Senyum Mesra" petang semalam berkata jawatankuasa yang dianggotai wakil agensi kerajaan dan swasta itu akan mendapatkan laporan serta membuat pemeriksaan berhubung harga yang dipamerkan oleh pusat-pusat membeli-belah dan peniaga sepanjang kempen itu.

Ini selaras dengan saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam yang mahukan peniaga tidak menaikkan harga makanan dan perkhidmatan sesuka hati semasa LIMA '97.

Sebanyak 30 pusat membeli-belah dan 70 peniaga kecil menyertai kempen itu bertujuan memastikan harga makanan, barangan dan perkhidmatan terkawal, katanya.

Kempen "Senyum dan Mesra" yang turut dilancarkan memberikan penekanan supaya semua yang terlibat dalam industri pelancongan di pulau ini sentiasa mengukir senyuman dan memberi layanan mesra kepada pelancong dalam dan luar negara. -- BERNAMA

ZI NH RON